



MEMORANDUM



No. Ruj: KKT&P:ACCT.100-4/1(27)

Kepada:

Timbalan Setiausaha Tetap
Setiausaha Rendah (O)
Setiausaha Rendah (P)
Semua Ketua Bahagian

Daripada:

Setiausaha Tetap,
Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan
KOTA KINABALU

Tarikh: 23 September 2021

TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN KEWANGAN BAGI TUJUAN PEMBAYARAN ATAU PELARASAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

1. TUJUAN

Memo ini bertujuan untuk memaklumkan tarikh akhir penerimaan dokumen kewangan di Bahagian Akaun, KKTP untuk proses pembayaran atau pelarasan bagi Tahun Kewangan 2021.

2. LATARBELAKANG

Arahan ini adalah selaras dengan Pekeliling Bendahari Negeri Sabah Bil. 6/2021 mengenai Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2021 yang boleh dicapai melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <https://www.sabah.gov.my/ecircular>.

3. PELAKSANAAN

3.1 Bagi memastikan Jadual Penutupan Akaun Tahun 2021 daripada Jabatan Bendahari Negeri Sabah dapat dipatuhi, dimaklumkan bahawa tarikh akhir penerimaan dokumen kewangan di Bahagian Akaun, KKTP untuk proses pembayaran atau pelarasan adalah ditetapkan seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH AKHIR KKTP	TARIKH AKHIR JBNS
1	Perbelanjaan Perbekalan, Pembangunan dan Amanah dalam bulan Januari 2021 hingga September 2021	06.10.2021	10.10.2021
2	Perbelanjaan Perbekalan, Pembangunan dan Amanah dalam bulan Oktober 2021	08.11.2021	12.11.2021
3	Perbelanjaan Perbekalan, Pembangunan dan Amanah dalam bulan November 2021	29.11.2021	03.12.2021
4	Perbelanjaan Perbekalan, Pembangunan dan Amanah dalam bulan Disember 2021	09.12.2021	15.12.2021
5	Pelarasan / Penyelesaian Akaun Pendahuluan Diri AP. 54	15.12.2021	20.12.2021

3.2 Dokumen kewangan yang dihantar lewat daripada tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Dokumen kewangan berkenaan hendaklah dihantar ke Bahagian Akaun selepas 15 Januari 2022 untuk proses pembayaran dalam Tahun Kewangan 2022 di bawah AP. 58(a).

4. TANGGUNGJAWAB KETUA SEKTOR/BAHAGIAN

4.1 Ketua Sektor/Bahagian adalah diminta untuk memeriksa dan memastikan dokumen kewangan bagi semua perbelanjaan yang dibuat sepanjang tempoh Januari 2021 hingga September 2021 dikemukakan segera untuk proses penyediaan baucar bayaran supaya baucar dapat dihantar ke JBNS tidak lewat daripada tarikh yang ditetapkan. Sila sertakan surat penjelasan untuk AP. 100(a) dan AP. 103 bagi perbelanjaan yang dibuat dalam bulan Januari 2021 hingga Ogos 2021 (jika ada) untuk kelancaran proses penyediaan baucar bayaran.

4.2 Ketua Sektor/Bahagian hendaklah memastikan dokumen kewangan bagi semua perbelanjaan yang dibuat dalam bulan Oktober, November dan Disember 2021 dikemukakan serta-merta untuk proses penyediaan baucar bayaran supaya baucar dapat dihantar ke JBNS tidak lewat daripada tarikh yang ditetapkan.

4.3 Ketua Sektor/Bahagian hendaklah memastikan tiada perbelanjaan (pembelian barangan atau perkhidmatan) dibuat pada saat-saat akhir kecuali perkara-perkara yang mendesak.

4.4 Ketua Sektor/Bahagian hendaklah memastikan semua dokumen sokongan adalah lengkap dan teratur sebelum menghantar dokumen ke Bahagian Akaun supaya proses penyediaan dan penghantaran baucar bayaran ke JBNS dapat berjalan lancar.


4.5 Ketua Sektor/Bahagian hendaklah memastikan semua surat berkaitan perakaunan khususnya Akaun Pendahuluan Diri dihantar segera ke Bahagian Akaun supaya pelarasan / penyelesaian dapat diambil tindakan dengan segera.

5. PENUTUP

Kerjasama semua pihak ke atas pematuhan memorandum ini amatlah diharapkan supaya semua pembayaran ke atas perbelanjaan yang telah dibuat dalam Tahun Kewangan 2021 dapat diselesaikan. Sebarang pertanyaan mengenai pekeling ini hendaklah berhubung terus dengan Ketua Akauntan, Bahagian Akaun untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(JAMILI NAIS, PhD)
Setiausaha Tetap